

Ai



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 12

JUN 2024

# BULETIN APB

e-ISSN: 2682-7948

*Social Media  
in Teaching and Learning*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN





# Menangani Cabaran Penggunaan Media Sosial di dalam Pengajaran dan Pembelajaran

**NORHAFIZAH HASHIM, NORMAZIAH ABDUL RAHMAN, ROZIANIWATI YUSOF, SRI  
YUSMAWATI MOHD YUNUS & NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH**

**UiTM KAMPUS SEREMBAN**

Penggunaan media sosial di dalam pengajaran dan pembelajaran telah merentasi semua peringkat pendidikan daripada peringkat pra-sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi terutamanya semenjak pandemik COVID-19. Ia mengubah proses pengajaran dan pembelajaran kepada yang lebih fleksibel dan lebih menarik. Ia turut memudahkan komunikasi dan kolaborasi antara pelajar mahupun dalam kalangan pensyarah daripada pelbagai institusi pengajian tinggi. Selain itu juga, penggunaan media sosial juga menawarkan ruang perkongsian kepelbagaian kandungan pembelajaran yang lebih menarik, meningkatkan pembelajaran di luar bilik kuliah dan sebagainya. Namun, terdapat cabaran yang menanti dan juga etika sebagai warga digital yang perlu diberi perhatian untuk memaksimum penggunaan media sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Di antara cabaran dan etika yang berkaitan dengan penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut:

1. Privasi
2. Literasi digital
3. Keselamatan dalam talian
4. Sempadan hubungan antara pensyarah dan pelajar

## Privasi

Aspek privasi perlu dititikberatkan terutamanya berkaitan perkongsian maklumat peribadi atau perkongsian hasil kerja. Contohnya, memuat naik video pembentangan yang mengandungi maklumat peribadi ke saluran YouTube untuk memudahkan proses penilaian oleh pensyarah dan juga perkongsian dengan rakan sekelas. Sehubungan dengan itu, video tersebut perlulah diterbitkan dengan tetapan unlisted untuk menjamin data atau maklumat sensitif tidak diketahui oleh pengguna awam. Selain itu juga, sebelum pensyarah berkongsi hasil kerja pelajar di platform media sosial, pensyarah perlulah mendapatkan kebenaran atau persetujuan daripada pelajar terbabit terlebih dahulu. Begitu juga dengan data berbentuk gambar atau video yang memperlihatkan keadaan diri mana-mana pihak sama ada pensyarah atau pelajar.

## Literasi Digital

Western Sydney University mendefinisikan literasi digital sebagai memiliki kebolehan untuk berinteraksi menggunakan media sosial, peranti mudah alih, platform Internet dan teknologi digital lain yang semakin banyak digunakan untuk tujuan komunikasi dan capaian maklumat. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar mempunyai literasi digital yang mencukupi. Mereka berkemungkinan mempunyai akaun di kebanyakan media sosial yang ada atau melanggan mana-mana aplikasi. Namun begitu, pelajar-pelajar ini perlu diberi panduan cara untuk mencari dan menilai sumber rujukan yang boleh dipercayai dan sahih. Begitu juga berkenaan isu-isu hak cipta sebelum menggunakan sumber daripada mana-mana media sosial ke dalam hasil kerja pelajar tersebut.



## **Keselamatan dalam talian**

Penggunaan media sosial yang semakin meluas terutama dalam golongan pelajar boleh mendedahkan mereka kepada isu-isu keselamatan seperti keselamatan data peribadi, risiko kecurian identiti dan buli siber. Kajian yang telah dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn, Majmaah University, Saudi Arabia University dan Imam Abdulrahman Bin Faisal University menunjukkan secara puratanya pelajar mereka mempunyai kesedaran terhadap isu keselamatan siber ini. Manakala Alharbi dan Tassaddiq (2021), turut membandingkan kajian mereka dengan kajian serupa di beberapa negara lain dan mendapati pelajar mempunyai kesedaran itu, tetapi kurang mengambil berat akan langkah-langkah keselamatannya.

Oleh itu, pensyarah perlu mengingatkan pelajar berkenaan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil; seperti berfikir dahulu risiko jika berkongsi atau memuat naik sebarang kandungan ke dalam media sosial. Pensyarah juga perlu mengingatkan pelajar untuk berkomunikasi secara berhemah untuk mengelakkan salah faham terhadap pensyarah, pelajar atau individu lain yang seterusnya mengelakkan risiko buli siber.



## **Sempadan hubungan antara pensyarah dan pelajar**

Pensyarah perlu mengekalkan hubungan profesional dengan pelajar. Interaksi di antara pensyarah dan pelajar melalui media sosial terkadang membawa kepada komunikasi yang tidak atau kurang formal terutamanya dalam penggunaan bahasa atau tulisan.

Pensyarah perlu menetapkan garis panduan supaya pelajar masih sedar akan batasan antara mereka dengan pensyarah. Contohnya menghadkan komunikasi berkaitan pembelajaran sahaja, menghindari perkongsian maklumat atau kisah peribadi, mengelakkan unsur-unsur pilih kasih, dan perlakuan yang tidak sesuai.

Oleh itu, isu-isu yang telah dibincang ini perlu diberi perhatian oleh pensyarah dan pelajar dalam penggunaan media sosial sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini penting bagi memastikan penggunaan media sosial memberi kesan positif dan efektif, seterusnya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik.

## **Rujukan**

- Alharbi, T. & Tassaddiq, A. (2021). Assessment of Cybersecurity Awareness among Students of Majmaah University. *Big Data and Cognitive Computing*, 5(2):23. <https://doi.org/10.3390/bdcc5020023>
- Aljohni, W., Elfadil, N., Jarajreh, M.A., & Gasmelsied, M. (2021). Cybersecurity Awareness Level: The Case of Saudi Arabia University Students. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications*, 12(3). <http://dx.doi.org/10.14569/IJACSA.2021.0120334>
- Alqahtani, M.A. (2022). Factors Affecting Cybersecurity Awareness among University Students. *Applied Sciences*, 12(5):2589. <https://doi.org/10.3390/app12052589>
- Hamzah, S. et. al. (2021). Level of Awareness of Social Media Users on Cyber Security: Case Study among Students of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(2), 694–698. Diakses daripada <https://www.turcomat.org/index.php/turkbilmat/article/view/923>
- Western Sydney University.(n.d.). *What is digital literacy?* dicapai 22 Februari 2024 daripada [https://www.westernsydney.edu.au/studysmart/home-orig-2023/study\\_skills\\_guides/digital\\_literacy/what\\_is\\_digital\\_literacy#:~:text=Digital%20literacy%20means%20having%20the,Developing%20your%20critical%20thinking%20skills](https://www.westernsydney.edu.au/studysmart/home-orig-2023/study_skills_guides/digital_literacy/what_is_digital_literacy#:~:text=Digital%20literacy%20means%20having%20the,Developing%20your%20critical%20thinking%20skills)
- Zulkifli, Z., Abdul Molok, N. N., Abd Rahim, N. H., & Talib, S. (2020). Cyber Security Awareness Among Secondary School Students in Malaysia. *Journal of Information Systems and Digital Technologies*, 2(2), 28–41. Diakses daripada <https://journals.iium.edu.my/kict/index.php/jisdt/article/view/151>